

PROSES MORFOLOGI BAHASA MELAYU: SATU PENELITIAN SEMULA

*Mashudi Kader dan Syed Zainal Ariff Syed
Jamaluddin*

Abstrak

Penerbitan-penerbitan lepas tentang proses morfologi dalam bahasa Melayu (BM) seperti Za'ba (1965) secara implikasi, Abdullah Hassan (1974, 1986), Nik Safiah *et al.* (1989, 1993) mencatatkan bahawa proses morfologi dalam BM terdiri daripada tiga sahaja, iaitu *pengimbuhan*, *penggandaan* dan *pemajmukan*. Selain tiga proses yang di atas, Asmah (1986) meluaskan proses morfologi BM untuk meliputi *penggabungan* dan *pengakroniman*, yakni prosesnya menjadi lebih daripada tiga. Dalam makalah ini, penulis akan menampilkan pelbagai data BM moden serta meneliti kembali aplikasi definisi proses morfologi daripada teori morfologi yang telah mapan dan seterusnya memaparkan tujuh proses morfologi BM, iaitu *pengimbuhan*, *penggandaan*, *pemajmukan*, *perubahan kosong*, *penyingkatan*, *pengadunan* dan *pengakroniman*.

Abstract

Published materials on the morphological processes of bahasa Melayu (BM) such as Za'ba (1965) by implication, Abdullah Hassan (1974, 1986) and Nik Safiah et al. (1989, 1993) indicate that BM has three morphological processes, namely affixation, reduplication and compounding. Other than these three processes, Asmah (1986) has extended the morphological processes of BM to include integrating and accronimizing. Hence by implication according to her there are more than three morphological processes in BM. Reexamining the data of modern BM from various sources and using appropriate definition(s) of morphological processes from established morphological theories, we extend the morphological processes of BM to seven, namely affix-

ation, reduplication, compounding, zero modification, blending, clipping and accronimizing.

PENDAHULUAN

Dalam ilmu linguistik am, *morfologi* merujuk kepada sistem minda yang melibatkan pembentukan kata, iaitu satu bidang yang menyentuh kata, struktur kata dan cara sesuatu kata itu dibentuk. Dalam BM, kata *morfologi* berupa transliterasi kata bahasa Inggeris (BI) *morphology* yang dalam ilmu linguistik bermaksud “kajian bentuk kata”. Pengertian ini pernah ditegaskan oleh Matthews (1990:1) sebagai satu kajian bentuk-bentuk kata dan cabang tatabahasa yang menyelenggarakan struktur hakiki kata-kata. Dalam makalah ini, penulis mengambil manfaat definisi Matthews di atas dan seterusnya menggunakan kata *morfologi* dari sudut ilmu linguistik sahaja.¹ Sumber kata morfologi itu ialah kata bahasa Yunani (Greek), *morph* yang bermaksud “bentuk”.

Cara memahami bentuk kata, struktur kata dan cara kata dalam sesuatu bahasa itu dibentuk dapat dilakukan melalui kajian-kajian seperti yang disenaraikan dalam (1):

- (1) (a) Kajian unit-unit kecil dalam kata yang berfungsi tatabahasa (atau yang bermakna) yang disebut *morfem*.
- (b) Kajian penggolongan kata.
- (c) Kajian proses pembentukan kata (atau proses morfologi).
- (d) Kajian hubungan kata dengan komponen lain dalam tatabahasa.
- (e) Kajian sejarah kata seperti kesamaan kata dalam keluarga bahasa (yakni kognat).
- (f) Kajian etimologi, yakni susur galur sejarah asal kata-kata sehingga mendapat bentuk yang terpakai dalam sesuatu bahasa tertentu.

Dalam makalah ini, penulis akan memfokus tentang proses morfologi BM seperti dalam (1c) sahaja, khususnya untuk menegaskan bahawa sesungguhnya terdapat tujuh proses morfologi BM kesemuanya, iaitu di samping *pengimbuhan*, *penggandaan* dan *pemajmukan*, ia juga meliputi

¹ Kata *morfologi* juga terpakai dalam disiplin lain seperti *Biologi* dengan maksud yang tertentu yang tidak berkaitan dengan bidang yang dibincangkan di sini.

proses *perubahan kosong, penyingkatan, pengadunan dan pengakroniman*.² Sebenarnya, antara yang empat lagi ini, ada dua yang pernah disebut oleh Asmah (1986). Terminologi yang digunakan beliau ialah *penggabungan* dan *akronim*.

KERANGKA TEORI

Persembahan aspek-aspek morfologi BM akan mengambil manfaat daripada idea-idea Nida (1963), Aronoff (1976), Aronoff dan Fudeman (2005).

KAEDAH DAN DATA

Analisis BM dalam makalah ini didasarkan kepada tiga jenis data seperti dalam (2):

- (2) (a) Data yang ditampilkan melalui kaedah introspeksi (iaitu kaedah yang menggunakan pertimbangan kompetens (yakni pengetahuan bahasa sebagai penutur natif sesuatu bahasa).
- (b) Kajian kepustakaan.
- (c) Korpus daripada BM moden dan klasik.

Data daripada korpus BM diambil daripada berbagai-bagai sumber bahasa (bahasa moden dan bahasa klasik) yang dicapai melalui enjin *WordSmith* dan projek Konkordans Proudfoot (2004, capaian *Internet*). Antara teks moden yang menjadi rujukan ialah akhbar *Utusan Malaysia* (2001–2002), *Berita Harian* (2001–2002), novel-novel moden seperti *Salina*

2 Dengan menampilkan tujuh proses morfologi ini pun, mungkin masih ada baki-baki proses morfologi lain yang masih boleh dibincang dan digarap, misalnya perihal bahawa morfem *bel-* dalam BM hanya terdapat pada satu morfem bebas sahaja, yakni *ajar* sehingga hanya dengan kata *ajar* sahaja morfem bebas *bel-* hadir untuk melahirkan kata terbitan *belajar*. Ternyata ia dilahirkan melalui proses *pengimbuhan*, tetapi atas dasar apakah kita dapat menganggap morfem *bel-* sebagai alomorf morfem {*ber-*}? Kalau kita dapat menganggap morfem-morfem *be-*, *ber-* sebagai alomorf atas dasar perkelilingan fonologi, ternyata kita tidak dapat memasukkan morfem *bel-* ke dalamnya kerana pada tempat-tempat lain varian *ber-* hadir apabila bertemu vokal [a] pada awal kata seperti dalam kes *ber-akar* → *berakar* bukannya *bel-* seperti dalam **belakar* dan *ber-* + *angkat* → *berangkat*/**belangkat*. Ternyata *ber-* + *ajar* → *belajar* ialah satu proses *pengimbuhan* yang terpercail. Mungkinkah kita dapat menganggap morfem terikat *bel-* sebagai morfem 'gooseberry' seperti yang pernah disebut oleh Mark Aronoff (1976)? Mungkinkah morfem *pel-* dalam kata *pelajar* juga tergolong ke dalamnya

(A. Samad Said, 1995), *Ranjau Sepanjang Jalan* (Shahnon Ahmad, 1977), *Anak Mat Lela Gila* (Ishak Haji Muhamad, 1960) dan beberapa novel dalam BM klasik seperti *Hikayat Hang Tuah* (Kassim Ahmad, 1975), *Hikayat Pahang* (Kalthum Jeran, 1986), *Hikayat Pelayaran Abdullah* (Klinkert, 1889), *Hikayat Muhammad Hanafiyyah*, *Hikayat Bayan Budiman*, *Misa Melayu* (Raja Chulan, 1962) dan beberapa yang lain.

DEFINISI

Pengertian *morfologi* dan *morfem* yang signifikan dalam perkara yang dibincangkan di sini memang sudah lama dikemukakan oleh beberapa orang ahli bahasa. Idea-idea awal dalam perkembangan teori morfologi struktur yang disebutkan di sini dapat memberikan justifikasi analisis morfem BM.

Pertama sekali, Bloomfield (1965:207) mencatatkan morfologi sebagai binaan-binaan, di mana bentuk-bentuk terikat wujud dalam kata-kata. Morfem pula dicatatkannya sebagai satu bentuk linguistik yang tidak mempunyai kesamaan fonetik-semantik dengan bentuk lain. Bloch dan Trager (1942:53–54) menyatakan morfologi sebagai ... memperincikan bentuk kata, manakala morfem bebas ialah apa-apa bentuk yang dapat diujarkan berasingan yang mempunyai makna. Hockett (1958:123) menyebut morfem sebagai unsur terkecil yang bermakna dan berasingan dalam ujaran ssuatu bahasa. Gleason (1961:53) menyebut morfem sebagai unit terkecil yang bermakna dalam struktur sesuatu bahasa. Robins (1967:202) menyebut morfem sebagai unit-unit terkecil yang berfungsi tatabahasa. Matthews (1990:12) menjelaskan bahawa morfem ialah unit terkecil yang tidak dapat dikecilkan lagi atau unit asas. Katamba (1993:20) menegaskan morfem sebagai unit-unit bermakna yang terkecil atau yang mempunyai fungsi tatabahasa yang tidak dapat dikecilkan lagi dan kata-kata terbina daripadanya. Pendapat yang paling mutakhir tentang morfem dikemukakan oleh Aronoff (2005:3) sebagai satu unit linguistik dalam kata yang mempunyai fungsi tatabahasa ... ia mungkin berupa kata penuh atau berupa pasangan antara sebutan dan makna.

Walaupun ternyata terdapat satu benang emas yang merentasi semua definisi tersebut, iaitu terdapatnya kesefahaman yang jelas dalam definisi yang berbagai-bagai itu bahawa morfem ialah satu unit kecil yang bermakna/berfungsi tatabahasa, namun hanya Aronoff (1976:2005) yang menyelitkan definisi tambahan, iaitu di samping mengandungi kesefahaman di atas, ia juga menganggap morfem sebagai pasangan antara sebutan dengan makna. Definisi Aronoff itu mengandungi dua bahagian yang saling melengkapi,

yakni kedua-duanya terpakai dalam keperihalhan yang berlainan:

- (3) (a) Satu unit terkecil yang bermakna/berfungsi tatabahasa.
- (b) Pasangan antara sebutan dengan makna.

Idea tambahan dalam (3b) ini sebenarnya berasal daripada idea de Saussure (1959:67) bahawa morfem (yakni “*a sign*”) ialah cantuman konsep dan gambaran dalam mental dan kesatuan antara lambang dengan makna adalah sewenang-wenang. Idea yang kedua ini disebut sebagai morfem ialah satu cantuman arbitrari semantik dan fonetik, dan sebagai pasangan antara sebutan dengan makna (Aronoff, 2005:2), seperti lambang “... *dog has a meaning and sound ...*” (Aronoff, 1976:8). Penulis akan memanfaatkan dua definisi Aronoff (2005) dalam (3a-b) yang saling melengkapi itu untuk meneliti semula proses morfologi dalam data BM.

ANALISIS

Proses Morfologi Lain dalam BM

A. Kajian Lepas

Kajian dan tulisan tentang morfologi BM yang utama seperti Za’ba (1965) (secara implikasi), Abdullah Hassan (1974, 1986), Nik Safiah *et al.* (1989, 1993) mencatatkan bahawa proses morfologi BM terdiri daripada tiga sahaja seperti dalam (4):³

- (4) pengimbuhan, pergandaan dan pemajmukan.

Abdullah Hassan (1974:43) mencatatkannya sebagai,

There are three morphological processes in Malay: affixation, reduplication, and compounding.

Ini diulang dalam Abdullah Hassan (1974: 43) sebagai,

Ada tiga proses morfologi yang sering berlaku dalam bahasa Melayu, iaitu pengimbuhan, pergandaan, dan pemajmukan.

3 Penulis meneliti karya-karya yang utama sahaja. Mungkin ada yang lain yang masih dalam bentuk tesis atau kertas kerja yang belum dilihat. Za’ba (1965) memang ada mengkaji morfologi BM dan secara implikasi tulisan Za’ba ada mencatatkan proses morfologi seperti pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan.

Dalam Nik Safiah *et al.* (1989: 19), perkara ini dicatat sebagai,

Di samping itu terdapat perkataan yang dibentuk hasil proses pengimbuhan, pemajmukan dan pergandaan.

Idea ini diulang dalam Nik Safiah *et al.* (1993: 59) sebagai,

Di samping itu terdapat perkataan yang dibentuk hasil proses pengimbuhan, pemajmukan, dan pergandaan.

Sikap mengehendkan perbincangan proses morfologi BM kepada tiga proses tersebut juga terdapat dalam kajian dialek BM Perak seperti dalam Zaharani (1991:76) apabila tercatat pernyataan seperti "... pembentukan kata biasanya terdapat dalam tiga proses: pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan".

B. Proses Morfologi BM dalam Kajian Ini.

Proses *pengimbuhan* (seperti dalam *berjalan* ← *ber-* + *jalan*),⁴ *pemajmukan* (seperti dalam *kelab malam* ← *kelab* + *malam*) dan *penggandaan* (seperti dalam *laki-laki* ← *laki*) tidak akan dibincangkan di sini kerana proses morfologi tersebut memang wujud dalam proses pembentukan BM. Penulis bersetuju bahawa tiga proses tersebut memang wujud dalam BM. Kebanyakan buku tatabahasa lain pun (khususnya buku-buku teks BM yang digunakan di sekolah-sekolah) ada memperkatakan tiga proses morfologi tersebut dalam BM. Oleh itu, dalam makalah ini, penulis akan terus memfokus kepada empat proses tambahan yang lain, iaitu *perubahan kosong*, *penyingkatan*, *pengadunan*, dan *pengakroniman*.

Perubahan Kosong

Perubahan kosong wujud dalam sesetengah bahasa seperti BI apabila dua bentuk homofon mempunyai makna yang berlainan dalam keperihalan (situasi) yang berbeza. Kata *sheep* dalam *I saw a sheep* bermaksud tunggal, tetapi kata yang sama dalam keperihalan keadaan yang lain membawa makna jamak seperti dalam "*There are many sheep in the meadows.*" Sesuai dengan definisi pertama dalam (3a) bahawa morfem ialah unit terkecil yang mempunyai makna/tugas tatabahasa, maka kata *sheep* yang bermakna jamak itu telah mengalami perubahan kosong. Mengapa pula perubahan itu

4 Ini dibaca demikian: kata *berjalan* dibentuk daripada cantuman morfem terikat *ber-* dan morfem bebas *jalan*.

dikatakan *kosong*? Ini demikian kerana morfem yang ditambah ialah morfem yang tidak mendapat sebutan fonetik dan ia tidak pula ditandai oleh apa-apa lambang grafem (iaitu lambang tulisan). Oleh itu, tempat yang sepatutnya terdapat lambang fonetik atau (dalam tulisan lambang grafem/ abjad) dicatat sebagai \emptyset . Sebagai perbandingan dalam pembentukan kata jamak yang lazim dalam BI, sesuatu kata bebas kena ditambah bukan dengan morfem kosong \emptyset , tetapi ditambah satu morfem terikat; misalnya morfem terikat *-s* dalam kata *dogs* sehingga kata jamak *dogs* ialah kombinasi dua morfem bebas *dog* dan morfem terikat *-s*; iaitu *dog + s → dogs*. Oleh sebab kata *sheep* dalam “*There are many sheep in the meadows*” bermakna jamak, maka kata *sheep* itu terbentuk sebagai *sheep + \emptyset → sheep* (yakni morfem *sheep* + morfem kosong, \emptyset). Proses ini juga terdapat pada sesetengah kata kerja BI apabila makna kala kini dengan kala lampau tidak mengubah bentuk kata, misalnya kata *put* dalam ayat-ayat yang berikut:

I put my books there every day. Kata *put* bermakna kala kini.

I put my books there yesterday. Kata *put* ialah kala lampau.

Pada pendapat penulis, *perubahan kosong* juga wujud sebagai proses morfologi BM. *Perubahan kosong* ialah satu proses morfologi BM yang merujuk kepada dua perkara yang berikut:

- (7) (a) Sesuatu kelainan makna morfem yang dianggap sebagai perubahan pada morfem tertentu walaupun tiada penjelmaan fizikal (fonetik atau grafem) fonetik dalam sebutan, manakala grafem dalam tulisan.
- (b) Morfem homofon, yakni satu bentuk morfem bebas yang menjelmakan beberapa kelainan makna dalam konteks penggunaan/fungsi tatabahasa yang berlainan.

Fenomena (7a) bersesuaian dengan definisi dalam (3a), manakala fenomena (7b) bersesuaian dengan definisi dalam (3b).

Keterangan awal tentang wujudnya proses *perubahan kosong* terdapat pada kata nama BM disebut oleh ahli linguistik Belanda dalam Mees (1963:11) yang telah menegaskannya dengan jelas seperti dalam (8).

- (8) “Pernyataan numerus dalam kebanyakan bahasa Austronesia jauh dari sempurna”, dan “Dalam pada itu kebanyakan bahasa tidak sempurna dalam pernyataan numerusnya. Termasuk golongan itu bahasa Melayu.” (Mees, 1963:116)

Selanjutnya, Mees menyertakan contoh-contoh penggunaan bentuk kata tunggal yang menurutnya hanya memerlukan interpretasi jamak seperti dalam catatan yang berikut:

- (9) (a) “Dinding ... berhias *daun kelapa* dan *daun beringin*, disela-sela *kertas* merah putih ... Bau *daun* yang segar memenuhi seluruh ruang ... Di antara susunan kursi dan bangku yang rapat tiada berhenti-henti berjalan pemuda laki-laki dan perempuan... Di luar masih senantiasa juga *manusia* berduyun-duyun datang dari jalan besar... *Auto yang indah-indah* ... Tiada berapa jauh dari *gerbang masuk* ke pengarangan susunan *sepeda* makin lama makin rapat jua. *Orang* yang datang berjalan kaki jangan dikata lagi.” (Mees, 1963:116–117)
- (b) Di luar masih senantiasa juga *manusia* berduyun-duyun datang dari jalan besar. *Auto* yang indah-indah di sisi *deleman* yang bersahaja berhenti di hadapan. Tiada jauh dari gerbang masuk ke pengarangan susunan *sepeda* makin lama makin rapat jua. *Orang* yang datang berjalan kaki jangan dikata lagi.” (Mees, 1963:117)

Tentang (9a-b) itu, Mees akhirnya menegaskan bahawa kata yang dicetak *miring* rupanya dimaksudkan sebagai jamak.

Mengambil manfaat pandangan Mees tentang pernyataan numerus (idea banyak) dalam BM, dengan mudah dapat ditampikan contoh-contoh kata nama BM yang berbentuk tunggal yang dalam penggunaan bahasa yang dinamik (iaitu, BM dalam penggunaan sebenar) mempunyai interpretasi jamak sahaja. Lihatlah kata *kerang* dalam ayat *Abang pergi ke pasar menjual kerang*. Keperihalhan keadaan memerlukan interpretasi jamak pada kata *kerang* walaupun kata *kerang* itu berbentuk tunggal. Adalah mustahil si abang itu hanya menjual satu butir *kerang* di pasar. Makna jamak bagi kata *kerang* itu berlainan daripada makna tunggal kata *kerang* dalam ayat *Dia memegang sebiji kerang*. Kelainan makna pada bentuk fizikal yang sama ini perlu dianggap sebagai satu proses morfologi kerana ia menepati definisi morfem dalam (3a) di atas.

Contoh kata berbentuk tunggal yang dapat diberi interpretasi jamak seperti dalam keperihalhan keadaan tertentu ini memang banyak dalam BM, misalnya ... *berternak itik*, *menjual sayur*, *membeli pisang*, *menjual terung*, *memetik kacang* dan lain-lain. Tentunya dalam keperihalhan berternak atau keperihalhan berjual dan membeli (khususnya di pasar) ia hanya merujuk kepada *beberapa ekor itik*, *beberapa jenis sayur*, *beberapa pisang*, *beberapa*

terung dan *sedikit kacang* dan bukannya pengertian tunggal. Malah ia mustahil diberi pengertian tunggal.

Keperluan pengertian jamak dapat diluaskan lagi kepada setiap kata nama yang bergaris dalam kes-kes (10a-l) yang berikut:

- (10) (a) *Daun pokok itu gugur pada musim kemarau.*
 (b) *Giginya putih.*
 (c) *Matanya bersinar-sinar.*
 (d) *Dadanya berbulu.*
 (e) *Keningnya cantik.*
 (f) *Pokok di hutan berwarna hijau.*
 (g) *Kukunya sangat kotor.*
 (h) *Lebah dalam sarang jangan dijolok.*
 (i) *Semut di atas pokok rambutan itu berbuat sarang.*
 (j) *Rambut di kepalanya banyak yang sudah gugur.*
 (k) *Ibu memetik buah mangga yang masak-masak.*
 (l) *Murid di dalam bilik darjah itu kesemuanya sedang giat membaca buku.*

Pada setiap keperihalan dalam setiap ayat tersebut, kata *daun*, *gigi*, *mata*, *bulu*, *kening*, *pokok*, *kuku*, *lebah*, *semut*, *rambut*, *mangga* dan *murid* kesemuanya memerlukan hanya pengertian jamak, misalnya [semut' + Ø] → *semut* "beberapa ekor semut". Sesungguhnya pada sesetengah tempat dalam (10a-l) tersebut, jika bentuk ganda yang digunakan untuk menyatakan jamak, outputnya ialah rentetan yang salah (ditandai *) seperti dalam (11a-f) yang berikut. Sebaliknya, jika ia disebut dalam bentuk tunggal, ia sesuai seperti dalam (11a'-f')

- (11) (a) **gigi-giginya putih.*
 (a') *giginya putih.*
 (b) **mata-matanya bersinar-sinar.*
 (b') *matanya bersinar-sinar.*
 (c) **kuku-kukunya sangat kotor.*
 (c') *kukunya sangat kotor.*
 (d) **rambut-rambut di kepalanya...*
 (d') *rambut di kepalanya...*
 (e) **memetik buah mangga-mangga...*
 (e') *memetik buah mangga...*
 (f) **dadanya berbulu-bulu.*
 (f') *dadanya berbulu.*

Jadi dalam keperihalhan (11a-f), menggunakan bentuk proses *perubahan kosong* pada tempat-tempat seperti dalam contoh-contoh di atas hanya satu-satunya cara BM menyatakan makna jamak dan bukan dengan cara menggandakan kata yang berkaitan seperti dalam (11a'-f'). Oleh itu, ternyata bahawa *perubahan kosong* memang wujud segar dalam pembentukan sesetengah kata nama jamak BM.

Selain fenomena perubahan kosong yang terdapat dalam pembentukan kata jamak seperti di atas, perubahan kosong juga terdapat dalam kes kata-kata BM yang bersifat *homofon*, misalnya kata *buku*, yakni bentuk fizikalnya sama tetapi menjelmakan makna yang berbagai-bagai dalam keperihalhan penggunaan yang berlainan. Sesetengah ahli bahasa merujuknya sebagai *sinkretisma*.⁵ Sama ada fenomena ini pada akhirnya dipanggil *homofon* atau *sinkretisma* kurang penting bagi penulis. Sebaliknya yang lebih penting ialah hakikat bahawa dalam BM wujud fenomena ini. Sebenarnya, fenomena homofon ini menjadi contoh proses perubahan kosong dalam BM kerana ia selaras dengan definisi morfem dalam ranting (3b) di atas. Dalam contoh yang berikut, kata *buku* membawa makna yang berbeza-beza bagi keperihalhan keadaan yang berlainan seperti dalam frasa *sebuah buku* (bahan bacaan), *buku lali* (anggota badan), *berbuku* (berketul-ketul), *tak masuk buku* (piawai), *sebuku benang* (gelungan), *seperti buku dengan ruas* (bonggol). Kata *kerusi* juga boleh membawa maksud yang berbeza-beza dalam keperihalhan yang berlainan, misalnya ... *menjawab kerusi Tun Abdul Razak* bermakna profesor, ... *duduk di atas kerusi* bermakna satu tempat duduk. Kata *tambang* dalam *tambangnya dua ringgit* bermakna kos, tetapi *tambang yang panjang* bermakna tali, manakala *tambang lombong emas* bermakna lubang.

Yang berikut pula ialah data daripada berbagai-bagai sumber yang menunjukkan kata-kata yang **dihitamkan** membawa makna keperihalhan jamak walaupun bentuk fizikalnya tunggal:

- (12) *Ranjau Sepanjang Jalan* (Shahnon Ahmad, 1970), dalam data yang berikut, setiap kata **ketam**, **lintah**, **tiak**, **rumput** dan **ikan** membawa makna jamak.

5 Sesetengah pihak menganggap fenomena seperti ini sebagai *syncretism* (sinkretisma), "... penggunaan satu rentetan bunyi yang tidak dapat dikecilkan lagi untuk menjelmakan lebih daripada satu makna" Ronald W. Langacker (1972:64). Tentang ini, David Crystal (1997:376) memberikan contoh *walked* (dalam *I walked* sebagai 'kala lampau') dan *walked* (dalam *I've walked* sebagai *participle* 'baru selesai').

Jeha akan menunaikan hajat itu kalau **ketam** dan **tiak** tidak membinasakan padi tahun ini. “Bencana tah ...”

“Aku akan melawan,” tegas Jeha. “**Ketam** akan datang.” “Aku akan melawan dengan tangan ...”

... meranapkan rumput-rumput yang menebal itu. Beberapa ekor **lintah** hinggap juga pada betisnya. Dan sepertinya sikap adiknya. Dikambusnya **lintah** setimba itu. Dipungut lagi.

Sorakan dalam Kampung Banggul itu telah tidak henti-henti lagi. **Tiak** datang tidak putus-putus. Buah-buah padi di tangkai-tangkai...

Aku akan cabut **rumpit** yang berlumba-lumba naik dengan padi. Aku akan ...

... menampun batang-batang padi. Ikan haruan mulai menangkap. **Ikan** keli mulai menanduk batas untuk menebuk sarang.

(13) *Anak Mat Lela Gila* (Ishak Haji Muhamad, 1960). Kata yang **dihitamkan** bermakna jamak walaupun bentuk fizikalnya tunggal.

... Pertama-nya ia membiar-kan **rambut** di-kepala-nya bertumbuh panjang hingga mengembang seperti **rambut** perempuan; seperti orang Hindu atau orang Sikh, tetapi misai dan janggut di-chukor-nya.

... **Ikan** di-dalam-nya banyak dan ber-bagai2 **bangsa**.

... Di musim bunga **teratai** kembang dan musim pokok ada dan beringin masak buah-nya maka kawasan tasek itu menjadi sa-olah2 sa-buah taman yang amat indah dengan burong2 berbagai jenis, pelbagai **warna**, riuh-rendah ...

... Tetapi orang2 lain yang lalu-lalang di-kawasan itu, orang2 yang pergi-datang ka- situ menchari kayu api, menggetah burong, menjala atau mengail ikan dan memetek puchok2 **kayu** semua-nya mengatakan Mat Lela itu gila, pandir dan sasau.

... ‘Ada beberapa **perkara** lagi yang menyebabkan orang yang lurus yang berupa bodoh dan luar-biasa itu di-katakan tiada sempurna akal dan budi-bichara-nya.

... **Rambut** kanak2 itu di-lihat-nya hitam-legam, ikal dan tebal.

... Ke-dua2 bibir-nya berwarna ke-hitam2an, **mata**-nya kejam-katup dan mulut-nya tertutup rapat.

... Choba tengok **susu** aku kechil tidak seperti **susu** ibu engkau.

- (14) **Salina, A. Samad Said (1995). Kata pokok, rumah dan burung** membawa makna jamak.

“Semalam orang dah mula tampal gambar-gambar di tembok-tembok dan di batang-batang **pokok** pisang. Gambar orang saja semuanya.

... orang tak ada banyak,” kata Benggali yang menjaga paip air di **rumah** pekerja P.W.D itu. “Itu barang-barang sikit saja.”

... Awan kelabu kehitaman masih banyak. Tiga empat ekor **burung** melayang tidak tentu arah, kelihatan. Hilmy mencekak pinggang

...

- (15) **Kisah Pelayaran Abdullah (edisi Kassim Ahmad, 1960). Kata-kata perahu, ikan dan rumah** membawa makna jamak.

Maka siaplah **perahu** kedua-dua buah itu hendak keluar. (hlm 92) PAK 55 ... seorang dalam laut itu melihat tempat **ikan** banyak dan menengar bunyinya. Maka jikalau ada ...

PAK 21 ... rumah2 tempat diam mereka itu semuanya **rumah** atap; ada yang kecil ada yang besar; semuanya

- (16) **Muhammad Hanafiyah: kata semut** membawa makna jamak.

MH 6:257 ... aku mengambil nyawa segala umatmu seperti **semut** juga!” Maka nyawa rasul Allah pun diambilnyalah ...

- (17) **Misa Melayu: Kata-kata ikan, karang, batu dan burung** membawa makanan jamak.

MM 80:10 Maka terlalu banyak orang beroleh **ikan** dan **karang** di laut itu, dipersembahkan oranglah ...

MM 94:19... awan dan mega dan ombak dan **batu** dan **ikan** dan **burung** berbagai-bagai rupanya dan warnanya, ... MM 66:27 ... jenis pula tulisannya daripada gambar **ikan** dan **burung-burung** dan **naga**. Maka kepada papan

- (18) **Hikayat Hang Tuah (HT). Kata rumah, pagar dan balai** membawa makna jamak.

HT 522:12 ... malam hingga naik matahari. Maka segala **rumah** dan **pagar** dan **balai** dan jambatan orang Melaka itu ...

Melalui contoh yang dikutip daripada berbagai-bagai teks lama dan baharu, dan juga pemerhatian Mees di atas, ternyata sudah ada keterangan yang sangat mencukupi bahawa satu daripada cara BM menyatakan jamak ialah melalui *perubahan kosong* pada kata nama jika ia diberikan keperihalan keadaan yang sesuai. Sebagai perbandingan, proses perubahan kosong kata nama seperti ini sudah mapan dalam proses morfologi BI dalam kata *sheep*, *furniture*, *information*, *deer*, *moose* seperti dalam (19a-c) bagi kes-kes *sheep*, *furniture* dan *information*:

- (19) (a) *sheep* ← *sheep* + Ø dalam *There are many sheep in the meadows*; (*sheep* = jamak);
 (b) *furniture* ← *furniture* + Ø dalam *The furniture in the room are elegant*; (*furniture* = jamak);
 (c) *information* ← *information* + Ø dalam *I wish to gather some information*; (*information* = jamak).

Selain contoh proses *perubahan kosong* pada kata nama daripada kelas kata namaan, penulis juga ingin mengemukakan proses *perubahan kosong* pada kelas-kelas kata lain, yakni proses perubahan kosong yang wujud dalam sesetengah kata kerja, kata adjektif, kata nama dan sesetengah kata tugas dalam BM. Homofon kata kerja juga ialah fenomena tentang bentuk kata kerja yang sama dari segi sebutannya (atau bentuk grafemnya) tetapi menjelmakan makna yang berbeza-beza dalam situasi penggunaan yang berlainan. Satu contoh yang jelas ialah kemungkinan kata kerja *ada* mempunyai berbagai-bagai makna. Mashudi Kader (1981) menyebut kata kerja *ada* mengandungi makna “mempunyai” yang berfitur semantik [+punya, -wujud, -kopula], makna “wujud” [+wujud, -punya, -kopula] dan makna (fungsi) kopula [-punya, -wujud, +kopula]. Ramli (1995) dan Mohd. Azmi (2001) juga pernah menyebut wujudnya beberapa fungsi kata *ada*. Melalui kajian korpus daripada kitab Melayu klasik *Sulalalus-Salatin*, Rogayah Razak *et al.* (2005) menyebut sekurang-kurangnya terdapat enam makna (fungsi) kata kerja *ada* dalam penggunaan BM klasik dalam situasi yang berbeza-beza. Mengenal pasti yang mana antara yang enam yang digunakan dalam BM klasik itu masih terpakai dalam BM moden memang memerlukan kajian yang lebih terperinci. (Memperincikannya tidak termasuk dalam skop makalah ini). Namun untuk keperluan makalah ini, penulis berpendapat bahawa contoh-contoh yang berikut dalam (20) sudah memadai untuk menunjukkan bahawa kata kerja *ada* dapat mendukung berbagai-bagai fungsi dalam BM moden, yakni setiap satunya mempunyai

makna yang berlainan. Oleh itu, setiap satunya terhasil daripada cantuman morfem bebas *ada* dengan morfem kosong \emptyset , yakni *ada* ← [*ada* + \emptyset]. Makna yang berlainan itu dalam setiap satunya masih dilambangkan dengan lambang \emptyset :

- (20) (a) *ada* + \emptyset → *ada* (hadir) *Ada* seekor burung di dahan pokok.
 (b) *ada* + \emptyset → *ada* (kepunyaan) Hamid *ada* dua buah banglo.
 (c) *ada* + \emptyset → *ada* (bantu kerja) Ali *ada* datang pagi kelmarin.
 (d) *ada* + \emptyset → *ada* (pemer) Musa *adalah/ialah* jurutera.
 (e) *ada* + \emptyset → *ada* (keakhiran) Demikianlah halnya, *adanya*.
 (f) *ada* + \emptyset → *ada* (penerimaan) Kami hidangkan minuman *seadanya* sahaja.

Sesuai dengan definisi morfem Aronoff dan Fudeman (2005) dalam (3b), dan sesuai dengan idea *de Saussure* "... suatu kombinasi konsep dan imej bunyi". Setiap kata kerja *ada* yang membawa makna yang berlainan dalam setiap ayat (20a-f) ialah output proses perubahan kosong: *ada* + \emptyset → *ada*.

Sebagai perbandingan tentang fenomena yang sama dalam sesetengah kata kerja BI, misalnya kata kerja *put* – letak berkala kini am (dalam *I put my book here every day*) dan kata *put* – telah letak berkala lampau (dalam *I put my book here this morning*). Begitu juga *cut* – potong berkala kini am (dalam *I cut my finger nails every Friday*) dan kata *cut* – telah potong berkala lampau (dalam *I accidently cut my finger just now*). Sufiks kala lampau berbentuk alternan kosong [\emptyset] seperti [*cut* + \emptyset] dan [*put* + \emptyset] dalam contoh-contoh ayat di atas bukan terpencil dalam BI. Contoh-contoh lain adalah seperti kata kerja *bet, let, set, wet, hit, slit, shut, beat, cast, cost, burst, shed, spread* dan *wed* (Bloomfield, 1967:215). Seperti dalam kes-kes kata kerja BI tersebut, penggunaan kata kerja *ada* dalam BM yang mempunyai beberapa alternan (makna) tetapi tidak ada sebutan fizikal yang berbeza ialah output proses morfologi *perubahan kosong*.

Perkara yang signifikan daripada data (20a-f) dalam kajian morfologi BM ialah hakikat bahawa proses morfologi *perubahan kosong* juga wujud dalam proses morfologi kata kerja BM, yakni hakikat bentuk kata *ada* mempunyai beberapa makna dalam penggunaan yang berbeza-beza itu ialah satu proses morfologi juga. Sebenarnya, kata kerja *ada* sebagai contoh proses morfologi kosong dalam kelas kata kerjaan BM bukanlah satu fenomena yang terpencil. Contoh yang lain dapat ditampilkan daripada kata *jadi* yang mempunyai makna yang berbagai-bagai walaupun bentuk fizikalnya tidak

berubah seperti “Boleh *jadi*” (mungkin), “Tak *jadi*” (berlaku), “*Jadi*, dia pun tidur”, (oleh itu); “*Jadi* guru”, (menjawab), dan beberapa kemungkinan lain yang membawa berbagai-bagai makna kata *jadi* yang memerlukan kajian lanjut. Dapat dilihat juga kata *duduk* dalam *Duduk di kerusi* yang bermakna bertindak berehat dengan punggung di atas kerusi, dan kata *duduk* dalam *Saya duduk di Kuala Lumpur* yang bermakna tinggal.

Calon lain tentang morfem yang bersifat homofon sebagai satu proses *perubahan kosong* dalam BM ialah kata tugas penunjuk *itu/ini* dalam berbagai-bagai fungsi (seperti kata *itu* berfungsi sebagai penunjuk dalam buku *itu* dan berfungsi sebagai kata nama dalam ayat *Itu rumah saya*. Seterusnya proses perubahan kosong ini terdapat juga pada kata *yang* sebagai penyaji klausa relatif (dalam *Rumah yang besar itu terbakar*), sebagai nominal pengasingan dalam klausa relatif tidak berkepal (seperti dalam *Yang berserban itu ialah Tok Kadi*), dan yang berfungsi sebagai komplementiser *yang*. Dalam kes yang terakhir ini, kata *yang* bertukar ganti dengan kata *bahawa* (seperti dalam *Amin memberitahu yang/bahawa Ali sakit*).

Malah sesetengah kata adjektif juga ada memperlihatkan tiga morfem homofon sebagai adjektif, sebagai penerang (adverba)⁶ dan sebagai kata kerja; dan dengan yang demikian ia juga merupakan satu output proses morfologi *perubahan kosong*, misalnya kata penerang *jarang* (tidak selalu), kata adjektif *jarang* (tidak rapat), dan kata kerja *jarang* (merebus) seperti dalam (21a-c):

- (21) (a) Karim pendiam; dan dia *jarang* tersenyum. (penerang/adverba).
 (b) Kain langsir itu *jarang*. (adjektif).
 (c) Orang itu sedang *menjarang* air. (kata kerja).

Seterusnya, jika dilihat kamus, tentu kita akan bersua dengan beberapa banyak lagi contoh proses perubahan kosong daripada kalangan kata homofon yang mempunyai makna yang berbagai-bagai walaupun bentuk fizikalnya sama. Yang berikut ialah sepuluh contoh daripada kamus yang dikenal pasti oleh penulis:

- (22) - *abu* ‘nama’; *abu* ‘kalah dalam congkak’;
 - *alam* ‘merasai’; *alam* ‘lebih mengetahui’; *alam* ‘panji-panji’;
alam ‘dunia’.
 - *alang* ‘nama lelaki’; *alang* ‘bahagian kayu rumah yang

6 Sesetengah buku tatabahasa menggunakan kata penerang bagi kata yang di tempat lain disebut sebagai adverba.

- melintang'; *alang* 'sedikit/kurang'; *alang* 'sederhana'.
- *badak* 'sejenis binatang'; (*cucuk*) *badak* 'sejenis kuih Melayu'.
- *baja* 'bahan penyubur tumbuhan'; *baja* 'sejenis besi'; *baja* 'bahan penghitam gigi'.
- *belat* 'bidai untuk menangkap ikan'; *belat* 'sejenis tumbuhan'; *belat* 'belit'.
- *cermin* 'kaca, gelas'; *cermin* 'sejenis tumbuhan'; *cermin* 'sejenis ikan'.
- *dalam* 'jauhnya ke bawah'; *dalam* 'antara, di kalangan'; *dalam* 'termasuk dalam (istana)'.
- *gamat* 'bising', *gamat* 'sejenis binatang laut'; *gamat* 'berlagu'; *gamat* 'sejenis tumbuhan'.
- *kutu* 'sejenis serangga halus (pada rambut); *kutu* 'satu perkumpulan 'perniagaan'.

Penyingkatan

Proses ini berkaitan dengan pembentukan kata baharu dengan cara menyingkatkan sesuatu bentuk kata BM yang sedia ada (bentuk sumber) yang lebih sempurna kepada satu bentuk output lain yang pendek atau kecil. Biasanya bentuk sumber dan bentuk output yang singkat wujud seiring; namun masing-masing bentuk mempunyai penggunaannya atau fungsinya tersendiri. Corak yang sebenar penggunaan dua bentuk yang seiring ini (antara bentuk penuh dan bentuk yang singkat) memanglah memerlukan satu kajian yang terperinci. Oleh itu, ia tidak dapat dilaporkan dalam kesempatan ini. Namun, ketiadaannya tidaklah mencatitkan penjelasan yang dibuat di sini kerana penulis hanya menyentuh kewujudan fenomena ini dalam BM.

Proses *penyingkatan* kata ini berlaku dalam kelas kata kerjaan, namaan, adjektifan dan kata tugas. Penulis menganggapnya sebagai satu proses morfologi kerana setiap kata output hasil proses penyingkatan daripada satu bentuk yang lebih lengkap dan sempurna itu ialah satu bentuk linguistik lain yang bermakna, atau mempunyai tugas tatabahasa selaras dengan definisi Aronoff tentang morfem dalam (3a-b).⁷ Lihat sahaja kata *aku* dan singkatannya *ku* dalam ayat yang berikut:

7 Mark Aronoff dan Kirsten Fudeman (2005:115) menggunakan terminologi *clipping* apabila mereka membincangkan penyingkatan kata dalam bahasa Inggeris seperti *Rob* ← *Robert*, *Trish* ← *Patricia*, *Sue* ← *Susan*, *co-ed* ← *co-educational*, *bra* ← *brassiere*

- (23) (a) (i) *Aku* belum puas mandi.
 (ii) **Ku* belum puas mandi.
 (b) (i) Amin menentang *aku*.
 (ii) Salim menentang **ku*.
 (c) (i) Surat itu [*aku* baca dua kali pagi tadi].
 (ii) Surat itu [*kubaca* dua kali pagi tadi].

Ternyata dalam (23a(i)), kata pronomina *aku* dapat berfungsi sebagai frasa nama subjek, manakala singkatannya *ku* dalam (23a(ii)) tidak boleh berfungsi sebagai frasa nama subjek di tempat tersebut. Dalam (23(b(i))) pula, kata *aku* mampu berfungsi sebagai objek, manakala bentuk singkatannya tidak seperti dalam (23b(ii)).⁸ Tingkah laku ini membayangkan dua bentuk *aku/ku* tersebut mempunyai fungsi yang berlainan dalam BM. Dalam (23c (i–ii)) pula, kedua-dua kata penuh *aku* dan kata singkatannya *ku* adalah saling beralternasi, iaitu kedua-duanya ialah morfem alternan. Penggunaan setiap morfem alternan tersebut bukan ditentukan oleh perkelilingan fonologi (bukan seperti kes-kes alomorf sebagai penanda transitif *me-*, *men-*, *mem-*, *meny-*, *meng-*, *meng-* bagi kata kerja yang ditentukan oleh bentuk fonologi konsonan/vokal pertama pada awal kata akar) tetapi sebaliknya ditentukan oleh rasa atau sikap dalam penggunaan bahasa, misalnya penegasan (*Surat itu aku baca dua kali*) atau bersahaja (*Surat itu kubaca dua kali*). Oleh sebab perubahan *aku* → *ku* adalah sebagai morfem alternan yang didasarkan kepada rasa/sikap penggunaan bahasa, maka bentuk singkatan proklitik *ku* itu sesuai dengan definisi bahawa morfem ialah satu bentuk linguistik yang mempunyai tugas tatabahasa atau

dan lain-lain. P.H. Matthews (1990:142) pula menggunakan kata *subtraction* (pengurangan) apabila dia merujuk penyingkatan kata bahasa Perancis *bonne* [bɔ̃n] à [bɔ̃] 'baik' (ðialah vokal primer belakang separuh luas) dan *blanche* [blɑ̃ʃ] → [blɑ̃] 'putih'. Lebih awal lagi Bloomfield (1965:217–218) menyebut proses ini sebagai "minus-*feature*" (pembentukan minus); iaitu pembentukan kata melalui pengguguran segmen. Beberapa contoh dalam bahasa Perancis telah ditampilkan, misalnya bentuk maskulin [su] *soul* 'mabuk' ← *faminin* [sul] *soule* melalui pengguguran segmen [l].

- 8 Kelihatan begitu juga halnya dengan pronomina *kamu/mu* dan *engkau/kau*. Kata pronomina persona penuh *kamu* dan *engkau* dapat berfungsi sebagai argumen luaran:

Kamu sudah mandi? / **Mu* sudah mandi? (kecuali dalam dialek)

Engkau telah lulus/*Kau* telah lulus.

dan argumen dalaman:

Aminah mencari *kamu*?/*Aminah* mencari *mu*.

Ali mahu menemui *engkau*/*Ali* mahu menemui *kau*.

Pronomina persona lain (*dia*, *kami*, *mereka*, *anda*) tidak mempunyai bentuk singkatannya.

mempunyai makna dalam (3a-b) di atas. Oleh itu, bentuk *aku* dan *ku* dapat dianggap sebagai alomorf pada sesetengah konteks menurut rasa/sikap sebelum kata kerja pasif seperti di atas; dan seterusnya memantapkan pendirian penulis bahawa perubahan *aku* → *ku* ialah satu proses *penyingkatan* morfologi dalam BM. Proses yang sama terdapat juga dalam peningkatan *engkau* → *kau* dan *kamu* → *mu*. Kelihatan proses *penyingkatan* kata pronomina BM seperti ini tidak berlaku kepada ganti nama BM yang lain seperti *anda*, *dia*, *kami* dan *mereka*.

Apabila ditinjau korpus BM daripada berbagai-bagai teks, ternyata fenomena peningkatan morfem bebas (kata) sangat ketara. Tentunya para pengguna BM telah meningkatkan kata-kata itu bukannya sebagai tingkah laku penggunaan bahasa yang sewenang-wenang (arbitrari), atau hanya ikut sesuka rasa hati penutur. Ini juga wajar dihalusi melalui penelitian yang terperinci. Dalam kesempatan makalah ini, penulis mengandaikan fenomena peningkatan morfem bebas tertentu didasarkan oleh para penutur kepada tekanan-tekanan tingkah laku berkomunikasi dan/atau kawalan-kawalan rumus sosiolinguistik lain seperti kekangan peserta yang bercakap bahasa tertentu kepada orang tertentu pada masa tertentu (Fishman, 1972:437) atau mungkin juga didasarkan kepada kekangan sikap seseorang penutur terhadap partisipan dan khalayaknya (*interlocutors and audience*). Wujudnya penggunaan bentuk penuh (misalnya *aku*) dengan bentuk singkat (seperti *ku*) dalam BM mengikut keperihalalan yang bukan keperihalalan fonologi (tetapi sebaliknya keperihalalan lain seperti rasa/sikap) bukanlah satu fenomena yang terpencil dalam bahasa-bahasa di dunia. Ia terdapat dalam bahasa Arab, bahasa Rusia, bahasa Perancis, bahasa Tamil dan bahasa Swahili.⁹ Seperti hal penggunaan morfem terikat (*mem-*, *men-*, *mem-*, *meny-*, *meng-*, *menge-*) yang dikawal oleh perkelilingan fonologi kata akar BM,

9 Walaupun dalam BM penggunaan morfem alternan pada kata kerja transitif seperti *me-*, *men-*, *mem-*, *meny-*, *meng-*, *menge-* ditentukan oleh perkelilingan segmen fonologi pada awal kata bagi kata akar, misalnya sebelum *t* ia *men-* seperti dalam *men-tulis à menulis*, sebelum *b* ia *mem-* seperti dalam *mem-baca à membaca* dan lain-lain, dalam sesetengah bahasa lain penentu bagi bentuk kata kerja ialah jenis frasa nama subjek— iaitu, sama ada orang pertama, kedua, ketiga, jamak (pertama), jamak (ketiga); misalnya dalam bahasa Arab, bahasa Perancis, bahasa Rusia dan bahasa Tamil; (lihat buku-buku tatabahasa bagi bahasa-bahasa ini). Kami tampilkan bahasa Arab: kata *da-ha-ba* 'pergi'; lihatlah bahawa bentuk kata kerja berubah mengikut varian frasa nama subjek (bukan mengikut perkelilingan fonologi seperti dalam BM):

adhabu 'saya pergi'; *tadhab*, 'awak (lelaki) pergi'; *tadhabina* 'awak (wanita) pergi'; *nadhhab* 'kami pergi'; *yadhab* 'dia (lelaki) pergi', *tadhab* 'dia (wanita) pergi'; *yadhabuna* 'semua mereka pergi'.

penulis yakin bahawa rumus-rumus kawalan sosiolinguistik bagi penggunaan morfem seperti di atas berfungsi menggariskan ruang tempat-tempat morfem bebas dan morfem singkatannya dapat digunakan. Sifat kealternan antara morfem penuh dengan bentuk singkatannya inilah yang memberi lesen bahawa *penyingkatan* kata ialah satu proses morfologi dalam BM. Yang berikut ini ialah hasil pemerhatian penulis tentang wujudnya fenomena penyingkatan morfem bebas dalam BM yang antaranya adalah seperti di bawah:

(24) Kata tugas: *nak* ← *hendak*, *tak* ← *tidak*, *aja*←*saja* ← *sahaja*, *bila* ← *apabila*, *jika* ← *jikalau*, *kan* ← *bukan*, *tu* ← *itu*, *ni* ← *ini*, *berbagai-bagai*← *berbagai-bagai*;

Kata namaan: *kau* ← *engkau*, *kak* ← *kakak*, *bang* ← *abang*, *dik*←*adik*, *pak* ← *bapak*, *mak* ← *emak*, *nak* ← *anak*, *tuk* ← *Datuk/datuk*, *nek* ← *nenek*, *cik gu* ← *encik guru*, *kaba* ← *khabar*, *pulo* ← *pulau*, *kursi* ← *kerusi*, *keta* ← *kereta*, *pluh* ← *peluh*, *dawai β* ← *dedawai*, *saya* ← *sahaya*, *bang* ← *abang*, *dik* ← *adik*; *singasana* ← *singgahsana*.

Begitu juga dalam bahasa Tamil. Kata *poo* 'pergi'; lihatlah sufiks kata kerja ditentukan oleh frasa nama = subjek; di situ (*naan* = saya; *avan* = dia; *aval* = dia (wanita); *naam* = kami; *appa* = bapa:

Naan poo-reen 'Saya pergi'; *Avan poo-naan* 'Dia (lelaki) pergi'; *Aval poo-naal* 'Dia (wanita) pergi'; *Naam poo-noom* 'Kami pergi'; *Appa poon-arxal* 'Bapa pergi'. Dalam bahasa Rusia kami tampilkan deklensi kata kerja *idti* 'pergi'. Lihatlah bentuk akhiran pada kata kerja ditentukan oleh frasa nama subjeknya, bukan oleh perkelilingan fonologi: *Ya idu* 'Saya pergi'; *Vi id-yesh* 'Anda pergi'; *On/ana id-yot* 'Dia (lelaki/wanita) pergi'; *Mi id-yom* 'Kami pergi'; *Onyi id-yoci* 'Mereka pergi'. (Di situ *ya* = saya; *Vi* = anda; *On* = dia (lelaki); *Ona* (dia wanita), *Mi* = kami, *Onyi* = mereka. Dalam bahasa Perancis kita temui perkara yang sama; misalnya kata pergi: *Je vai* 'Saya pergi'; *Il va* 'Dia (lelaki) pergi, *Ele va* 'Dia (wanita) pergi; *Ils vont* 'Mereka pergi'. Dalam bahasa Swahili pula penanda kata nama tunggal dan kata nama jamak bukan ditentukan oleh perkelilingan fonologi (seperti dalam BI dan sesetengah kata BM), bahkan ia ditentukan oleh jenis kata nama seperti *orang* (m → wa dalam *mtu* 'seorang' → *watu* 'ramai orang', *mtoto* 'seorang anak kecil' → *watoto* 'ramai anak-anak kecil' dan *benda panjang* (Ø → i dalam *mti* 'pokok' → *miti* 'pokok-pokok', *mguu* 'kaki' → *miguu* 'beberapa anggota kaki'; bagi contoh-contoh lain, lihat Ronald W. Langacker (1972: 91). Sebaliknya penanda jamak bagi kata nama dalam BI didasarkan kepada perkelilingan fonologi seperti dalam -s sebelum t dalam [kht + s] 'cats', dan -z sebelum bunyi bersuara seperti dalam [bg + z] 'bags' dan lain-lain. Berdasarkan contoh-contoh tersebut di atas, penggunaan antara bentuk singkat dengan bentuk penuh dalam BM yang ditentukan bukan oleh perkelilingan fonologi, bahkan oleh keperihalan-keperihalan lain bukanlah satu fenomena yang terencil dalam bahasa- bahasa dunia.

Kata nama khas *Mat* ← *Ahmad*, *Mid* ← *Hamid*, *Sim* ← *Kasim/Qosim*, *Jid* ← *Majid*, *Mah* ← *Halimah*, *Di* ← *Rosdi* dan lain-lain.

Kata mujarad seperti *deraka* ← *derhaka*, *pepaduan* ← *perpaduan*, *pelajaran* ← *pelajaran*, *kebahgiaan* ← *kebahagiaan*, *perdamaian* ← *perdamaian*, *perniagaan* ← *perniagaan*, *darjat* ← *derajat*, *merdeka* ← *merdeheka* dan lain-lain.

Kata kerja : *bekerja* ← *berkerja*, *keje* ← *kerja*, *blajar* ← *belajar*, *telanjur* ← *terlanjur*, *tejun* ← *terjun*, *blanja* ← *belanja*, *blaja* ← *belajar*, *semayang* ← *sembayan* ← *sembahyang*, *dok* ← *duduk*, *keja* ← *kerja*, *buh* ← *bubuh*, *telupa* ← *terlupa* dan lain-lain.

Kata adjektif: *bahgia* ← *bahagia*, *sdi* ← *sedih*, *plik* ← *pelik* dan lain-lain lagi.

Di sini penulis akan menunjukkan beberapa sedutan teks untuk menunjukkan bahawa sebenarnya proses *penyingkatan* morfem bebas terdapat dalam berbagai-bagai jenis teks seperti yang berikut:

(25) **Salina** (A. Samad Said, 1975).

Dalam teks yang berikut, kata yang dihitamkan ialah kata output daripada *proses penyingkatan* kata-kata: bukan → kan, mahu → mau, ini → ni, baharu → baru, dahulu → dulu, tidak → tak, engkau → kau, hendak → endak, sudah → dah, itu → tu, tahu → tau, sahaja → saja, tetapi → tapi.

Kan baik bersedia payung **dulu** sebelum hujan. “Fikiran Zarina kacau. Sekacau-kacaunya. “Apa pada ketika **tu** baru awak hendak halau dia?” Fikiran Zarina kacau lagi. “Soal **ni** jangan diambil senang. Jangan awak kesal kemudian nanti. Kata orang sesal **dulu** pendapatan, sesal kemudian **tak** ada gunanya.” Zarina, 19,539c:\tekskl~1\tsalina.txt14

“Awak **tau** orang begitu **tak** harus diberi muka.” Abdul Fakar mendalami lagi soal itu,

“Kalau duit **kau tak** kauberikan kepada sapa-sapa, mana dia perginya duit itu?” Abdul Fakar mengulangi. “Inah **dah** cakapkan: **dah** tiga empat hari ini hujan **saja**.” “Aku **tak** percaya, aku **tak** percaya.” Siti Salina tidak dapat berkata apa-apa lagi.

“Marilah kita pulang **saja**,” kata Zarina mengajak. Suaranya masih tetap lembut, tapi kelakuannya memberi erti yang lebih lembut lagi. “Sudah **endak** hujan **ni**.” Sambil berkata itu dia memandang langit dan tersenyum.

“Aku tanya pasal buku, kautanya pasal air pula. Aku **dah** minum,” kata Abdul Fakar. “Aku tau, aku tau, **tapi** 30,303
c:\tekskl~1\tsalina.txt 22

Saya fikir bila Paliamah keluar itu rumah tentu tidak ada orang **mau** tinggal sana. Tapi sekarang ada orang **baru**.” Dia melanjutkan dengan 773c:\tekskl~1\tsalina.txt

- (26) **Muhammad Hanafiyah (MH)**. Kata aku → ku, engkau → kau, kamu → mu, mahu → mau.
MH 24:140 ... ibunya, syahadan katanya: “Hai ibuku! **Kauceraikanlah** aku daripada hatimu dan halalkan lah air ...
MH 16:14 ... demikian, surat kataku ini bawa olehkamu, berikan kepada orang Mesir! Katakan bahwa yang penghulu ...
MH 34:271 ... aku **mau** surut daripada lawanku dan tiada **mau** akan memalingkan mukaku! Oleh karena Hasan dan ...
- (27) **Hikayat Hang Tuah (HT)**. Kata aku → ku, kamu → mu, engkau → kau.
HT 154:17 ... ilmu yang **kuajarkan** kepadamu ini jangan **kauajarkan** pada barang siapa; jikalau anakmu pun sekali ...
- (28) **Kisah Pelayaran Abdullah (Kassim Ahmad, 1960)**. Kata emak → ma', mahu → mau. tidak → ta', besok → esok, berkerja → bekerja.
Adakah **ma'** bertemu dengan kechi perang atau perahu payar. (hlm. 27)
Melainkan sebab takut akan raja, **mau ta' mau** di-kerjakan juga, ada-nya. (hlm. 93)
Tengku Temena hendak melangkahkan perahu kita ini **esok**, dua tapak bayang2. (hlm. 107).
... terlalu banyak orang yang dudok dengan lalai dan malas sepanjang hari malam, dengan tiada **bekerja** sa-suatu; ... (hlm. 124).
- (29) **Hikayat Bayan Budiman (BB)**. Kata-kata mahu → mau, engkau → kau, aku → ku, dahulu → dulu.
BB 193:11 ... perempuan, jikalau sungguh engkau tiada **mau** akan daku, mana kehendak hatiku dan **kausampaikan** ...
BB 266:10 .. maka tiadalah lagi ia berperang seperti **dulu** itu. Maka jadilah seperti orang yang bersaudara, ...

BB 198:22 ... katanya, 'Hai perempuan, **maukah** engkau **kubawa** pulang ke rumah, **kupelihara** engkau serta ...

Mengikuti data kajian yang dikemukakan oleh penulis setakat ini, kelihatan kedua-dua bentuk kata penuh dan bentuk singkatnya wujud seiring, yakni kedua-duanya terpakai serentak. Namun ada beberapa kes dalam teks moden yang hanya terpakai bentuk singkatnya sahaja. Bentuk sumbernya tidak kelihatan terpakai dalam BM moden.

(30) merbahaya ← mara bahaya 'bahaya'
jikalau ← jika kalau. 'jikalau'

(31) **Utusan Malaysia** (2003): Kata *baharu* → *baru*, *tetapi* → *tapi*.

14 Julai - Semua jabatan kerajaan akan dilengkapkan dengan sistem **baru** yang menggunakan kad pintar pelbagai guna ...

Walaupun kita ingin mencatat lebih banyak kejayaan hasil daripada kemajuan yang kita kecapai, **tapi** janganlah sampai kita lupa bahawa terdapat satu perkara yang amat perlu diberi perhatian ...

(32) **Berita Harian** 10 Julai 2003: Kata *sahaja* → *saja*, *baharu* → *baru*.

... yang menjadi visi beliau dalam menjadikan Malaysia bukan **saja** negara ekonomi maju menjelang 2020 ...

... dari Kampung Tambahan **Baru**, Jelapang, dekat sini.

Pada amnya, kelihatan bentuk-bentuk singkat tidak begitu digunakan dalam bahasa kedua-dua akhbar di atas.

Pengadunan (*blending*)¹⁰

Proses morfologi ini pernah disebut oleh Asmah (1986). Terminologi yang digunakannya ialah *penggabungan kata yang setara* untuk merujuk pembentukan kata BM daripada dua (atau lebih daripada dua) morfem bebas yang mencerminkan satu konsep kepada satu konsep lain seperti dalam kata majmuk menjadi satu kata. Bahagian kata yang diadun biasanya ialah

¹⁰ Terminologi *blending* digunakan oleh M. Aronoff dan Kirsten Fudeman (2005:113) untuk merujuk proses morfologi BI yang mencantumkan bahagian kata-kata yang sumbernya lebih daripada satu kata. Mereka memberikan contoh-contoh *smog* ← *smoke* + *fog*, *chunnel* ← *channel* + *tunnel*, *chortle* ← *chuckle* + *snort*, *bit* ← *binary* *digit*.

suku kata tertentu daripada kata sumber yang diadun itu seperti dalam kes yang berikut:

- (33) *kereta api* → *keretapi*,
gambar rajah → *gambarajah*,
alat tulis → *alatulis*.

Penulis memilih terminologi *pengadunan* kerana ternyata proses ini mengadun satu kata daripada dua atau beberapa kata. Dalam proses itu berlaku pengguguran sesetengah suku kata seperti contoh lain yang berikut:

- (34) *harta tanah* → *hartanah*,
harap akan → *harapkan*,
hala laju → *halaju*,
half back → *hafbek*,
Sukan Malaysia → *SUKMA*,
Sukan Komanwel → *SUKOM*.

Ternyata yang berlaku ialah pencantuman, namun sewaktu bercantum juga berlaku (pada sesetengah kes) pengguguran segmen. Dalam kes *hartanah* ← *harta tanah* urutan segmen-segmen *ta* telah gugur. Jadi istilah *pengadunan* lebih sesuai. Sesetengah kes mencantumkan keseluruhan kata pertama dengan sebahagian kata kedua seperti dalam *harta tanah* → *hartanah*, *harap akan* → *harapkan* dan *hala laju* → *halaju*. Dalam kes yang lain berlaku cantuman suku kata pertama pada kata pertama dan kata kedua: *Sukan Malaysia* → *SUKMA*, *Sukan Komanwel* → *SUKOM*. Dalam kes *half back* → *hafbek* pula kelihatan telah berlaku strategi transliterasi, yakni menggunakan ejaan BM bagi bunyi BI. Oleh itu, tentang proses morfologi ini dalam BM, kelihatan tidak/belum ada sebarang kekangan-kekangan tertentu yang mendasari proses *pengadunan*. Kelihatan, proses ini lebih berupa satu tingkah laku kreatif penutur BM moden kerana ia tidak ditemui dalam teks-teks hikayat Melayu klasik. Ia mungkin juga lanjutan daripada tingkah laku bahasa lisan (*folk speech*) penutur kandung (*native speakers*) yang kelihatan dalam sesetengah kes berkecenderungan mengadun kata-kata seperti dalam kes yang berikut:

- (35) *Pak Sulung* → *Pak Lung*,
Emak Tengah → *Mak Ngah*,
Kakak Bongsu → *Kak Su*

Kuala Lumpur → Ko Lumpo.

Seterusnya, penulis berpendapat proses *pengadunan* berbeza daripada proses *penyingkatan* daripada aspek bentuk sumbernya. Dalam proses *pengadunan*, bentuk sumbernya ialah dua (atau lebih daripada dua) morfem bebas yang berbeza seperti *halaju* ← *hala laju*; sebaliknya dalam *penyingkatan* bentuk sumbernya ialah satu morfem bebas sahaja seperti *mau* ← *mahu*.

Justifikasi proses *pengadunan* timbul daripada hakikat bahawa idea kata majmuk *kereta api* 'kereta yang berapi' berbeza daripada kata *keretapi* 'kereta lokomotif' yang mungkin tidak berapi. Begitu juga *gambar rajah* 'gambar yang berajah' manakala *gambarajah* (apa juga rajah). Dalam usaha membentuk istilah sains dalam BM pada satu ketika perkembangan BM tidak lama dahulu, dapat ditemui bentuk-bentuk kata (istilah sains) yang diadun daripada dua atau lebih daripada dua kata yang tidak begitu popular lagi penggunaannya pada masa kini seperti **maging* ← *makan daging*, **maun* ← *makan daun*, **jabanah* ← *jalan bawah tanah*. Namun pada beberapa tempat lain, output proses *pengadunan* ini masih terus terpakai dalam pembentukan kata-kata BM moden seperti kes-kes yang berikut:

- (36) *jejambat* ← *jejak jambat*,
angkali ← *angka kali*,
debunga ← *debu bunga*,
angkubah ← *angka ubah*.
samada ← *sama ada*

Dalam arus perkembangan BM, sesetengah kata yang terbentuk melalui proses ini kini diganti dengan terminologi lain yang difikirkan lebih sesuai seperti:

- (37) *angkubah* → *pemboleh ubah*,
maun → *herbivor*,
maging → *karnivor*,
jabanah → *terowong*.
samada → *sama ada*.

Kata *sama ada* pernah terpakai dalam bentuk yang diadun sebagai *samada*, tetapi ternyata bentuk yang lebih mapan sekarang ialah bentuk yang tidak melalui proses *pengadunan*, yakni *sama ada*.

Pengakroniman

Ini ialah satu proses pembentukan kata BM daripada huruf-huruf pertama satu rentetan kata serta mengumpulkan semula huruf-huruf pertama tersebut sehingga menghasilkan satu kata baharu yang bermakna seperti contoh-contoh dalam (38):

(38) ADUN	←	Ahli Dewan Undangan Negeri,
JKR	←	Jabatan Kerja Raya,
LUTH	←	Lembaga Urusan Tabung Haji,
PLUS	←	Projek Lebuhraya Utara Selatan,
TV	←	televisyen ← television,
RTM	←	Radio dan Televisyen Malaysia,
GAPENA	←	Gabungan Persatuan Penulis Nasional,
SPM	←	Sijil Pelajaran Malaysia,
STPM	←	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia,
USM	←	Universiti Sains Malaysia,
DBP	←	Dewan Bahasa dan Pustaka,
LRT	←	Light Rail Transit,
MAS	←	Malaysia Airline System,
EON	←	Edaran Automobil Nasional dan lain-lain.

Kata kronim dalam (38) berbeza daripada kata adunan seperti *halaju* ← *hala laju*. Ini demikian kerana kata akronim dibentuk daripada huruf-huruf pertama satu rentetan kata dan bukan daripada suku kata dan kata penuh. Juga setiap bentuk kata akronim itu kelihatan ada membayangkan gambaran mental yang tersendiri yang sedikit berbeza daripada gambaran yang terjelma daripada rentetan kata sumbernya, sekurang-kurangnya daripada aspek imej mental (atau gambaran mental) seperti yang pernah disebut oleh *de Saussure* (1959:67) tentang fenomena linguistik seperti ini bahawa morfem (yakni “*a sign*”) ialah suatu kombinasi konsep dengan imej bunyi. Oleh sebab sifat ini wujud dalam sesuatu kata akronim, maka ia memenuhi keperluan definisi morfem dalam Nida (1963) dan Aronoff (1976, 2005), yakni satu bentuk linguistik yang mempunyai tugas tatabahasa atau yang mempunyai makna. Ternyata, penggunaan dua bentuk alternan (kata akronim dan rentetan kata penuh) tidak dikawal oleh keperihalan fonologi. Penulis tidak begitu pasti apakah yang mengawalinya sebenarnya. Kepastian hanya akan dapat dibuat melalui penyelidikan sosiolinguistik tentang penggunaan bentuk-bentuk alternan akronim dan rentetan kata penuhnya. Bagi keperluan makalah ini, kewujudan dua bentuk linguistik

(akronimnya dan bentuk rentetan penuhnya) seiring seperti dalam (38) di atas dan yang lain-lain seumpamanya sudah mencukupi untuk menganggapnya sebagai dua bentuk linguistik (kata) berasingan yang sah. Satu hujah tambahan yang dapat memaparkan pendirian ini ialah perihal sesetengah kata akronim yang terpakai dalam BM sebenarnya tidak begitu diketahui sumbernya oleh ramai pengguna BM itu sendiri. Sebagai contoh, memang ramai yang tahu maksud penyakit *AIDS* (bentuk akronim), tetapi berapa orang antara yang ramai itu yang tahu bahawa sumbernya dan makna asalnya ialah *Acquired Immune-Deficiency Syndrome*? Oleh itu, daripada makna kata akronim yang tidak perlu merujuk kepada makna rentetan sumber asal itulah terbuhtinya kata akronim itu telah mempunyai makna/fungsi yang tersendiri. Oleh itu, ia memenuhi kehendak definisi morfem. Begitu juga kata akronim UMNO, sebagai satu pertubuhan politik Melayu, ia memang diketahui oleh orang ramai; tetapi berapa orang pula daripada mereka yang tahu bahawa sebenarnya sumbernya ialah *The United Malay National Organization*. Kedua-dua bentuk itu digunakan dalam keperihal yang agak berlainan. Seperti kes *AIDS* di atas, makna yang terserlah dalam imaginasi kebanyakan orang ramai daripada kata UMNO agak berlainan daripada makna yang dirasai wujud pada bentuk penuhnya. Misalnya, yang terserlah daripada UMNO itu ialah kuasa politik orang Melayu, penyelamat nasib Melayu, penjaga kepentingan Melayu, malah imej manusia Melayu dan lain-lain. Sebaliknya, jika digunakan bentuk penuhnya, perasaan yang wujud mungkin berbeza.

Seperti kes proses pengadunan kata, proses pengakroniman dalam BM juga ialah fenomena baharu kerana ia tidak terdapat dalam teks-teks klasik. Malah ia tidak terdapat dalam novel-novel selepas merdeka seperti *Salina*, *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Anak Mat Lela Gila*.

KESIMPULAN

Melalui data yang lebih luas dan menyingkap kembali kajian sarjana Belanda seperti Mees (1961) dan sarjana tempatan seperti Asmah (1986), makalah ini telah menampilkan contoh-contoh penggunaan bahasa yang standard dan dinamik bahawa selain tiga proses pembentukan BM yang diajarkan di institusi pengajian, iaitu *pengimbuhan* (afiksasi), *penggandaan* (reduplikasi) dan *Pemajmukan*, terdapat juga proses morfologi *perubahan kosong*, *penyingkatan*, *pengadunan* dan *pengakroniman*.

Proses *perubahan kosong* terdapat dalam semua teks yang diteliti dalam kajian ini. Dapat ditegaskan di sini bahawa proses *perubahan kosong* sangat

produktif dalam BM. Ia berlaku pada kata namaan, kata kerjaan, kata adjektifan dan kata tugas. Proses *penyingkatan* berlaku dalam semua kelas kata. Sesetengah *penyingkatan* dapat diterangkan melalui penjelasan fonologi seperti pengguguran vokal atau urutan suku kata yang di dalamnya terdapat konsonan yang lemah; yang lain kelihatan tidak dapat dijelaskan melalui penjelasan fonologi dengan memuaskan kerana sifatnya yang rencam. Proses *pengadunan* pula ialah fenomena baharu kerana bentuk yang diadun tidak terdapat dalam teks-teks BM klasik. Dalam BM moden pun, proses ini agak bebas dilakukan, yakni kata output diadun daripada sumber BM seluruhnya dan ada juga yang diadun daripada sumber bahasa asing khususnya BI. Tentang proses *pengakroniman*, kelihatan proses ini juga agak produktif dalam BM. Sesetengah kata akronim digunakan sebagai morfem tersendiri tanpa merujuk kepada rentetan kata sumbernya seperti AIDS, UMNO, NATO, EURO, MCA, MIC, KGB, FBI, JPI, ASTRO dan lain-lain, namun dalam kes-kes kata akronim baharu, untuk mengelakkan kekeliruan, biasanya bentuk akronimnya digunakan bersama-sama bentuk rentetan kata penuhnya.

RUJUKAN

- A. Samad Said, 1995. *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan, 1974. *The Morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan, 1986. *Penerbitan Kata dalam Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Aronoff, Mark, 1976. *Word Formation in Generative Grammar*. Linguistic Inquiry Monograph 1. Cambridge, Massachusetts.: The MIT Press.
- Aronoff, Mark dan Fudeman, Kirsten, 2005. *What is Morphology?* Malden M.A.: Blackwell Publishing.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloch, Bernard dan Trager, George. L., 1942. *Outline of Linguistic Analysis*. Baltimore: Linguistic Society of America.
- Bloomfield, Leonard, 1965. *Language*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- de Saussure, Ferdinand, 1959. *Course in General Linguistics*. (Versi terjemahan daripada versi sumber bahasa Perancis *Cours de Linguistique Generale* oleh Wade Baskin). Glasgow: William Collins Sons and Co. Ltd.
- Brakel. L.S., 1975. *Hikayat Muhammad Hanafiyah: A Medieval Muslim Malay Romance*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Crystal, David, 1997. *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. Malden,

- Massachusetts: Blackwell Publishers.
- Fishman, Joshua. A., 1972, "Domains and the Relationship between Micro and Macrosociolinguistics" dlm. *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*, disunting oleh John, J. Gumperz and Dell, Hymes, hlm. 435-452, 1972.
- Gleason, H. A. Jr., 1961. *An Introduction to Descriptive Linguistics*. (Revised Edition). New Delhi: Oxford & IBH Publishing Co.
- Grimshaw, Jane, 1991. *Argument Structure*. Cambridge, Massachusetts: The M.I.T. Press.
- Hockett, C. F., 1958. *A Course in Modern Linguistics*. New York: The Macmillan Co.
- Ishak Haji Muhamad, 1960. *Anak Mat Lela Gila*. Kuala Lumpur: Federal Publication Ltd..
- Kalthum Jeran, 1986. *Hikayat Pahang*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Katamba, Francis, 1993. *Morphology*. London: Macmillan.
- Kisah Pelayaran Abdullah Ka-Kelantan dan Ka- Judah*. 1960, edisi 1962. Pengenalan oleh Kassim Ahmad. London: Oxford University Press.
- Kassim Ahmad, 1975. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Langacker, Ronald. W., 1972. *Fundamentals of Linguistic Analysis*. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc..
- Madrigal, Margarita and Dulac, Collete, 1962. *See It & Say It in French*. New York: A Signet Book from New American Library.
- Mashudi Kader, 1981. *The Syntax of Malay Interrogatives*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matthews, P.H., 1990. *Morphology: An Introduction to the Theory of Word Structure*. Cambridge University Press.
- Mees, C.A., 1963. *Ilmu Perbandingan Bahasa2 Austronesia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Mohd. Azemi b. Mohd. Yusoff, 2001. "Struktur Semantik Kategori *Ada* Berdasarkan Struktur Konseptual Leksikal: Analisis data Terpilih". Kertas kerja Persidangan Serantau Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, di Universiti Putera Malaysia, 22-23, Oktober 2001.
- Nida. E.A., 1963. *Morphology: The Descriptive Analysis of Words*. Michigan: The University of Michigan Press.
- Nik Safiah Karim, *et al.*, 1989. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, *et al.*, 1993. *Tatabahasa Dewan - Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Salleh, 1995. *Sintaksis Bahasa Melayu: Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogayah A. Razak, Nasrun Alias dan Mohamed Salleh Johari, 2005. "Kata Kerja

- Kopula *ada* dalam Korpus Melayu Klasik". Kertas kerja Seminar SKALI (Seminar Kebangsaan Linguistik), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 12–13 April 2005.
- Robins, R.H., 1967. *General Linguistics: An Introductory Survey*. London: Longmans.
- Schulz, Eckehard, Krahl, Gunther dan Reuschel, Wolfgang, 2002. *Standard Arabic*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shahnon Ahmad, 1977. *Ranjau Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Berhad.
- Vasilenko, E. dan Lamm, E., 1986. Second Edition. *Russian on Your Own*. Moscow: Russky Yazik Publishers.
- Zaharani Ahmad, 1991. *The Phonology & Morphology of the Perak Dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Capaian melalui Program *WordSmith*

- *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* tahun 2000–2002;
 - Novel-novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Salina* dan *Anak Mat Lela Gila*.
- Proudfoot, Ian., *Malay Concordance Project*. The Australian National University. <http://online.anu.edu.au/asianstudies/ahcen/proudfoot/MCP/>, 17 July 2004. (Melalui program ini telah dapat dicapai bahan-bahan teks Klasik dalam BM seperti *Hikayat Sejarah Melayu*, *Misa Melayu*, *Hikayat Inderputra*, *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Muhammad Hanafiyah*, *Hikayat Sri Rama*....